

**BORANG PERSETUJUAN DAN PELEPASAN BAGI MEREKA YANG
DI BAWAH UMUR 18 TAHUN**

Syarikat:

Star Media Group Berhad

Lokasi:

Dalam talian

Tajuk Bengkel:

Bengkel Baik Hati Dalam Talian Sempena Minggu Baik Hati #StandTogether

o Saya [] dengan Nombor Kad Pengenalan: [] dengan ini memberikan persetujuan untuk anak / anak jagaan saya, iaitu "[]" dengan Nombor Kad Pengenalan:[] untuk menyertai "Bengkel aik Hati Dalam Talian Sempena Minggu Baik Hati #StandTogether" pada [tarikh:] ("Bengkel") tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut.

o Saya telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat berikut sebelum menandatangani Borang Persetujuan dan Pelepasan ini dan saya telah menerangkan terma-terma dan syarat-syarat tersebut kepada anak/anak jagaan saya dan juga memastikan anak/anak jagaan saya yang akan menyertai Bengkel ini, memahami terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di bawah.

Dengan membenarkan anak/anak jagaan saya untuk menyertai Bengkel tersebut, saya menanggung semua risiko yang berkaitan dengan Bengkel tersebut. Dengan ini, saya memberikan persetujuan yang tidak boleh ditarik balik untuk melepaskan, Syarikat, para-para pengarah, pegawai dan kakitangannya daripada mana-mana tuntutan, tindakan, sebab tindakan, dalam undang-undang, maritim atau ekuiti, sekiranya berlaku kematian pada anak/anak jagaan saya, atau sekiranya berlaku kecederaan pada anak/anak jagaan saya atau apa-apa kerosakan harta benda anak/anak jagaan saya, yang mungkin berlaku disebabkan penyertaannya dalam Bengkel ini.

Dengan ini saya ingin melepaskan dan memberi jaminan yang tidak dapat ditarik balik bahawa, sepanjang pengetahuan saya, keadaan kesihatan anak/anak jagaan saya adalah baik dan beliau tidak mempunyai masalah kesihatan yang mungkin menjadi lebih parah disebabkan penyertaannya dalam mana-mana peristiwa atau aktiviti yang dirancang atau secara munasabah memerlukan penglibatan beliau sepanjang Bengkel ini. Syarikat berhak untuk menghentikan anak/anak jagaan saya daripada penyertaan dalam Bengkel ini sekiranya mengikut budi bicara mutlak, Syarikat merasakan bahawa anak/anak jagaan saya mungkin akan mendedahkan dirinya kepada risiko penyakit atau kecederaan atau kematian. Saya akan mengambil semua langkah yang wajar untuk memastikan anak/anak jagaan saya

mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan kesihatan dan keselamatan dirinya semasa menyertai Bengkel ini. Saya bersetuju bahawa saya akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua perbelanjaan perubatan, kerugian dan/atau kerosakan lain yang timbul dari penyertaan anak/anak jagaan saya dalam Bengkel dan semua kos dan perbelanjaan ini tidak akan dibayar balik oleh Syarikat.

Saya ingin menyatakan dengan tegas dan tidak akan menarik balik kebenaran yang diberikan kepada Syarikat untuk memanfaatkan penampilan anak/anak jagaan saya yang berkaitan dengan Bengkel dalam apa-apa jua cara dan dalam apa-apa media dan semua hak dalam semua jenis watak selamanya, dan untuk persembahan, penampilan, nama dan/atau suara dan hasil dan keuntungannya ("**Persembahan**") berkaitan dengan Bengkel, dan dengan ini saya memberi kebenaran kepada Syarikat untuk mengambil gambar dan merakam (melalui filem, digital, video, pita atau yang lain), Persembahan tersebut; untuk di sunting mengikut budi bicara mutlak Syarikat dan menyertakan persembahan orang lain dan dengan kesan bunyi, kesan khas dan muzik; untuk dimasukkan ke dalam program lain; untuk menggunakan dan melesenkan orang lain untuk menggunakan rakaman dan gambar tersebut di mana-mana media atau apa sahaja, termasuk tanpa batasan penggunaan yang tidak terhad untuk tujuan publisiti, iklan dan promosi penjualan; dan menggunakan nama, suara, biografi atau maklumat lain mengenai anak/anak jagaan saya berkaitan dengan Bengkel, tersebut, ikatan komersial, penjualan barang dagangan, dan untuk tujuan-tujuan lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Syarikat. Saya juga mengakui bahawa Syarikat memiliki semua hak-hak dan hasil-hasil perkhidmatan yang diberikan oleh anak/anak jagaan saya berkaitan dengan ini.

Saya bersetuju bahawa Persembahan anak/anak jagaan saya yang dirakamkan mungkin disunting mengikut budi bicara mutlak Syarikat. Saya memberi kebenaran untuk penggunaan nama suara dan/atau bahan biografi mengenai anak/anak jagaan saya dalam hal-hal yang berkaitan dengan Bengkel, publisiti dan tujuan promosi institusi yang berkaitan. Saya dengan jelas melepaskan Syarikat, ejennya, pekerja, pemegang lesen dan pemegang hak dari dan terhadap sebarang dan semua tuntutan yang saya dan/atau anak/anak jagaan saya mempunyai atau mungkin mempunyai berkaitan pencerobohan privasi, fitnah atau tindakan lain yang timbul dari pengeluaran, pengedaran, siaran atau pameran Persembahan berkaitan Bengkel ini.

.....
Nama:
No Kad Pengenalan / Passport:
Tarikh: